

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai statistik bilangan permohonan, peratus kelulusan serta jumlah dana yang telah disalurkan melalui *Special Relief Facility* dan jaminan untuk SME dan Micro SME antara bulan Mac 2020 hingga terkini dan sama ada dana tersebut telah mencapai matlamatnya untuk membantu SME dan Mikro SME dalam krisis COVID-19 memandangkan banyak rungutan terhadap Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik bagi *Special Relief Facility* (SRF) setakat 31 Julai 2020 adalah seperti berikut:

SRF	Permohonan diterima		Permohonan diluluskan		Kadar Kelulusan (%)
	No.	RM (Juta)	No.	RM (Juta)	
31 Julai 2020	36,986	20,693.4	21,240	10,070.9	79.0

Kerajaan percaya SRF telah dapat membantu meringankan beban aliran tunai PKS yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19. Namun, memandangkan SRF baru dilancarkan, maka sejauh mana keberkesanannya dalam membantu PKS masih memerlukan sedikit tempoh sebelum dapat ditentukan. Kerajaan maklum terdapat rungutan terutamanya tentang kelulusan permohonan. Di antara sebab-sebab utama permohonan pembiayaan daripada PKS ditolak adalah seperti berikut:

- i. Keupayaan pembayaran balik yang lemah;
- ii. Tahap keberhutangan yang tinggi;
- iii. Perniagaan tidak berdaya maju (*not viable*); dan
- iv. Gagal memenuhi kriteria kelayakan (contoh: tidak menepati definisi PKS).

Sekian, terima kasih.